



PEDAGOGI DAN PENGAJARAN TERBEZA

BPK, KPM

8.11.2021

OLEH:

DR NORHANA BINTI BAKHARY

PPD KUALA PILAH

A close-up, angled view of a computer keyboard. The keys are dark grey with white characters. One key, located in the middle row, is highlighted in a bright yellow color and is illuminated from below, creating a glowing effect. The background is dark and out of focus.

Agenda Style

01



Konsep Pengajaran Terbeza

02



Hubung Kait Pengajaran Terbeza

03



Aktiviti Pengajaran Terbeza



Konsep Pengajaran Terbeza

Apa itu Pedagogi Terbeza?

Pedagogi terbeza merujuk kepada **usaha untuk mempelbagaikan metodologi** berdasarkan keperluan murid dan lingkungannya

Pedagogi terbeza merupakan **kerangka pedagogi yang mudah lentur** untuk membolehkan murid belajar berdasarkan potensi dan persekitaran mereka

Konsep Pengajaran Terbeza

Pembezaan bermaksud merancang pengajaran untuk memenuhi keperluan individu. Sama ada guru membezakan dari aspek kandungan pelajaran, proses, produk atau persekitaran pembelajaran. Disamping itu, guru menggunakan kaedah pentaksiran berterusan serta merancang kerja kumpulan fleksibel untuk menjadikan ia satu pendekatan pengajaran yang berjaya”.

Tomlinson.C.A (2000)

Daripada kedua-dua pendapat ini, dapatlah disimpulkan bahawa Pembelajaran Terbeza bermaksud **murid belajar secara optimum mengikut aras atau situasi mereka.**


“ Menurut Vygotsky, murid memerlukan cabaran yang bersesuaian untuk belajar, tetapi jika cabaran yang diberikan terlalu jauh daripada pemahaman semasa maka mereka tidak akan dapat membuat perkaitan dengan apa yang sedang dipelajari.”

Vygotsky (1978)



Asas Pelaksanaan Pengajaran Terbeza

Murid *berbeza* dari segi



Prinsip Asas Pengajaran Terbeza

1. Tugas perlu mengambil kira kesaksamaan dari aspek pertimbangan minat dan relevan kepada murid
2. Peluang yang mencabar mampu meningkatkan kebolehan murid, memenuhi keperluan minat dan gaya pembelajaran yang pelbagai
3. Proses pembelajaran terbeza dan pentaksiran tidak boleh diasingkan
4. Fleksibiliti dalam pembentukan kumpulan
5. Tugas yang diberikan kepada murid mestilah bermakna, signifikan dan menarik untuk membangunkan kapasiti murid



Elemen Pengajaran Terbeza



Elemen Pengajaran Terbeza

Kandungan
(apa yang murid pelajari)



Meliputi topik/ kemahiran dalam DSKP dan ilmu yang terkandung dalam bahan PDP

Membezakan murid dengan pra ujian (kefahaman/ kemahiran dan disusuli dengan pepadanan murid dengan aktiviti

Menyediakan pilihan kepada murid untuk mendalami pembelajaran dan sumber tambahan bersesuaian dengan tahap kefahaman murid

Proses
(bagaimana murid belajar)



Proses merujuk kepada cara murid memahami maklumat idea dan kemahiran yang akan dikuasai

merefleks gaya pembelajaran dan keutamaan pembelajaran murid

mempelbagaikan proses pembelajaran bergantung kepada cara murid belajar mencakupi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mencapai objektif pembelajaran

Persekitaran
(Iklim/ situasi murid menerima pembelajaran)



Iklim bilik darjah : meliputi pengurusan bilik darjah peraturan kelas keceriaan warna susunan perabot pencahayaan prosedur dan proses yang memberi kesan kepada suasana bilik darjah

Ruang belajar: meliputi luar dan dalam bilik darjah

Integrasi alatan teknologi pembelajaran maya

Produk
(cara murid menunjukkan penguasaan pengetahuan @ kemahiran mereka)



Mestilah bermakna kepada murid

Mereflek kefahaman murid Membezakan dengan cara menyediakan cabaran kepelbagaian dan pilihan

Hasil daripada PDP yang dilalui oleh murid

Murid mempersembahkan atau menghasilkan sesuatu dalam PDP

Pembelajaran yang dibezakan melalui Kandungan



Kandungan yang diberikan berbeza mengikut tahap murid.



Murid yang sudah menguasai perlu menganalisis isi kandungan



Murid yang tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam sesuatu tajuk, diberi tugas pada aras pemikiran yang rendah (mengingat dan memahami).



Murid yang mempunyai tahap penguasaan tinggi perlu menyelesaikan tugas berbentuk analisis atau reka cipta



Pembelajaran yang dibezakan melalui Proses

Proses ialah bagaimana isi kandungan dipelajari.



Guru memberi peluang kepada murid untuk memproses kandungan atau idea dan kemahiran yang telah diperkenalkan kepada mereka. Setiap murid mempunyai cara belajar yang berbeza.



Suatu pembezaan yang berjaya, melibatkan penyampaian mengikut setiap gaya pembelajaran murid seperti secara visual, auditori dan kinestetik dan melalui lisan.



Bukan semua murid memerlukan bimbingan dan sokongan yang sama daripada guru. Murid juga boleh memilih untuk bekerja secara individu, berpasangan atau dalam kumpulan.

Pembelajaran yang dibezakan melalui Produk

Produk ialah apa yang murid hasilkan di akhir PdP untuk menunjukkan penguasaan tajuk.



Produk boleh berupa ujian, projek, laporan atau aktiviti lain.




Guru boleh memberikan tugas kepada murid untuk menyiapkan aktiviti yang menunjukkan penguasaan konsep pembelajaran dengan cara yang sesuai dengan murid mengikut gaya pembelajaran mereka.

Contoh Pengajaran yang dibezakan melalui Produk



Pembelajaran yang dibezakan melalui Persekitaran Pembelajaran

Suasana bilik darjah dan bagaimana ia berfungsi. Guru boleh merancang perjalanan aktiviti agar ia berjalan dengan lancar dan dapat mencapai objektif dan kriteria kejayaan.



Contoh persekitaran pembelajaran I

Pembelajaran yang dibezakan melalui Persekitaran Pembelajaran

Suasana bilik darjah dan bagaimana ia berfungsi. Guru boleh merancang perjalanan aktiviti agar ia berjalan dengan lancar dan dapat mencapai objektif dan kriteria kejayaan.



Contoh persekitaran pembelajaran 2

Pola Pengajaran Terbeza

	Kandungan	Proses	Produk	Persekitaran	Pola
Pola Pengajaran Terbeza	Sama (SP/DSKP/ KSKP)	Sama	Sama	Beza	P1
			Beza	Sama	P2
		Beza	Beza	Sama	P3
			Sama	Sama	P4
			Beza	Beza	P5
			Beza	Sama	P6
			Beza	Beza	P7
	Beza (SP/DSKP/ KSKP)	Sama	Sama	Sama	P8
			Beza	Beza	P9
		Beza	Beza	Sama	P10
			Beza	Beza	P11
			Sama	Sama	P12
			Beza	Beza	P13
			Beza	Sama	P14
			Beza	Beza	P15

Reka Bentuk Pengajaran Terbeza





Hubung Kait Pengajaran Terbeza

Hubung Kait Pengajaran Terbeza

PEMBELAJARAN TERBEZA
DALAM SKPMg2 STANDARD 4 .

APLIKASI PEMBELAJARAN
TERBEZA DALAM
PEMBELAJARAN ABAD KE-21

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

PLC SEBAGAI PLATFORM
PENYELESAIAN MASALAH
PEMBELAJARAN TERBEZA

Pengajaran Terbeza dalam SKPMg2 Standard 4

Standard Kualiti		Tahap Tindakan	Tahap Kualiti
4.1.1	Guru mengawal proses pembelajaran secara profesional dan terancang	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengelolakan isi pelajaran / skop pembelajaran yang dirancang ii. Mengelolakan masa PdPc selaras dengan aktiviti yang dirancang iii. Memberi peluang kepada penyertaan aktif murid 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengikut <u>pelbagai aras keupayaan murid</u> ii. Mengikut peruntukan masa yang ditetapkan iii. Mengikut ketetapan kurikulum/arahan yang berkuat kuasa
4.2.1	Guru mengawal proses pembelajaran secara profesional dan terancang	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengelolakan isi pelajaran / skop pembelajaran yang dirancang ii. Mengelolakan masa PdPc selaras dengan aktiviti yang dirancang iii. Memberi peluang kepada penyertaan aktif murid 	<ul style="list-style-type: none"> i. Dengan menepati objektif pelajaran ii. Mengikut <u>pelbagai aras keupayaan murid / pembelajaran terbeza</u> iii. Secara berterusan dalam PdPc
4.2.2	Guru mengawal suasana pembelajaran secara profesional dan terancang	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengawasi komunikasi murid dalam PdPc ii. Mengawasi perlakuan murid dalam PdPc iii. Menyusun atur kedudukan murid iv. <u>Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan</u> 	<ul style="list-style-type: none"> i. Secara berhemah / mengikut kesesuaian ii. Secara menyeluruh meliputi semua murid iii. Secara berterusan dalam PdPc / mengikut keperluan aktiviti pembelajaran

Pengajaran Terbeza dalam SKPMg2 Standard 4

	Standard Kualiti	Tahap Tindakan	Tahap Kualiti
4.3.1	Guru membimbing murid secara profesional dan terancang	<ul style="list-style-type: none">i. Memberi tunjuk ajar / tunjuk cara / panduan menguasai isi pelajaran / konsep / fakta berkaitan pelajaranii. Memberi tunjuk ajar / tunjuk cara / panduan menguasai kemahiran dalam aktiviti pembelajaraniii. Memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam aktiviti pembelajaraniv. Memandu murid menggunakan / memanfaatkan sumber pendidikan berkaitan pelajaranv. Menggabung / merentas / mengaitkan isi pelajaran dengan tajuk / unit / tema / nilai / kemahiran / mata pelajaran lain dalam aktiviti pembelajaran	<ul style="list-style-type: none">i. Mengikut keperluan / <u>pelbagai aras keupayaan murid</u>ii. Dengan betul dan tepatiii. Secara berhemahiv. Secara bersungguh-sungguh

Pengajaran Terbeza dalam SKPMg2 Standard 4

	Standard Kualiti	Tahap Tindakan	Tahap Kualiti
4.4.1	Guru mendorong minda murid dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran secara profesional dan terancang	<ul style="list-style-type: none"> i. Merangsang murid berkomunikasi ii. Merangsang murid berkolaboratif dalam aktiviti pembelajaran iii. Mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif iv. Mengajukan soalan / mewujudkan situasi yang menjurus ke arah membuat keputusan dan menyelesaikan masalah v. Mewujudkan peluang untuk murid memimpin 	<ul style="list-style-type: none"> i. Berdasarkan objektif pelajaran ii. Mengikut <u>pelbagai aras keupayaan murid</u> iii. Secara berterusan / tekal
4.4.2	Guru mendorong emosi murid dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran secara profesional dan terancang	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi pujian / galakan terhadap perlakuan positif ii. Memberi penghargaan terhadap hasil kerja / idea yang bernas iii. Memberi keyakinan dalam mengemukakan soalan / memberi respons iv. <u>Prihatin terhadap keperluan murid</u> 	<ul style="list-style-type: none"> i. Secara berhemah ii. Secara menyeluruh meliputi semua murid iii. Berterusan / tekal

Pengajaran Terbeza dalam SKPMg2 Standard 4

	Standard Kualiti	Tahap Tindakan	Tahap Kualiti
4.5.1	Guru melaksanakan penilaian secara sistematik dan terancang	<ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan <u>pelbagai kaedah pentaksiran dalam PdPc</u> ii. Menjalankan <u>aktiviti pemulihan / pengayaan dalam PdPc</u> iii. Memberi latihan / tugas berkaitan pelajaran iv. Membuat refleksi PdPc v. Menyemak / menilai hasil kerja / gerak kerja / latihan / tugas 	<ul style="list-style-type: none"> i. Berdasarkan objektif pelajaran ii. Mengikut ketetapan / arahan pelaksanaan pentaksiran yang berkuatkuasa iii. Secara menyeluruh dari segi kecukupan dan kecakupan dan meliputi semua murid iv. Secara berterusan / konsisten / segera
4.6.1	Murid melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara berkesan	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi respons berkaitan isi pelajaran ii. Berkomunikasi dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran iii. Melaksanakan <u>aktiviti pembelajaran secara kolaboratif</u> iv. Memberi respons yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran v. Mengemukakan soalan berkaitan isi pelajaran vi. Mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan murid / isu lokal / global vii. Membuat keputusan / menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran 	<ul style="list-style-type: none"> i. Dengan penglibatan 90 hingga 100% bagi tindakan (i, ii,iii) dan penglibatan melebihi 50% bagi murid bagi tindakan (iv, v, vi, vii) ii. Selaras dengan objektif pelajaran iii. Dengan yakin iv. Secara berhemah / saling menghormati / bersungguh – sungguh (70 – 89%, 25 – 49%) (40 – 69%, 10 – 24%) (1 – 39%, < 10%)

APLIKASI PEMBELAJARAN TERBEZA DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

KANDUNGAN

- Kandungan pelajaran yang memenuhi standard pembelajaran yang ditetapkan
- Sekurang-kurangnya dua kriteria kejayaan

PROSES

- Murid boleh menjalankan aktiviti yang sama tetapi proses pembelajaran yang berbeza iaitu mengikut aras keupayaan, minat, kesediaan dan kognitif.
- Strategi: Pembelajaran berpusatkan murid dan berasaskan bahan
- Pendekatan: Induktif dan Deduktif
- Kaedah: Koperatif, Kolaboratif, Permainan, Inkuiri Penemuan dan Pembelajaran Berasaskan Masalah
- Teknik: *Jigsaw; Think Pair Share; Round Table; Hot Seat; Gallery Walk* dan sebagainya

PRODUK

- Murid yang berlainan tahap mempamerkan produk/hasil pembelajaran yang berlainan sama ada menghasilkan Peta Minda (*I Think*), jadual, graf dan lain-lain.



APLIKASI PEMBELAJARAN TERBEZA PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses yang berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan.

Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah
BPK, KPM 2018

Melaksanakan PdP dan Pentaksiran.

1. Aktiviti berpusatkan murid
2. Aktiviti PAK21 dilaksanakan
3. Penerapan elemen KBAT
4. Pendekatan modular, interaktif dan didik hibur dalam aktiviti PdP



APLIKASI PEMBELAJARAN TERBEZA PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Guru melaksanakan PBD dengan menggunakan 3 kaedah:

1. Pentaksiran Secara Lisan

- mudah dan cepat bagi mengesan perkembangan dan penguasaan murid secara spontan atau terancang melalui soal jawab.
- berlaku semasa interaksi murid dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan bahan pembelajaran melalui aktiviti yang dirancang (soal jawab, perbincangan, bacaan kuat, bercerita, temu bual, nyanyian, dan lain-lain)

2. Pentaksiran Secara Bertulis

- melibatkan aktiviti menyemak, memeriksa tugas murid (karangan, kerja kursus, laporan, projek, latihan/ujian bertulis, tafsiran tentang grafik/statistik, jadual, graf dan lain-lain)

3. Pentaksiran Secara Pemerhatian

- sesuai untuk mentaksir proses dan hasil kerja murid.
- guru boleh menilai sikap, amalan dan penguasaan kemahiran tertentu (kemahiran manipulatif, bersosial, reka cipta, literasi komputer dan lain-lain).

APLIKASI PEMBELAJARAN TERBEZA PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Semasa melaksanakan PBD, guru perlu:

Merekod & Menganalisis Penguasaan Murid

1. Mencatat maklumat tentang perkembangan, kebolehan, kemajuan dan penguasaan murid.
2. Maklumat yang direkod (rekod mengajar, buku catatan, senarai semak dan template pelaporan) dianalisis dan ditaksir.
3. Guru membuat pertimbangan profesional bagi menentukan TP murid dan tindakan susulan/penambahbaikan jika perlu.



APLIKASI PEMBELAJARAN TERBEZA PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Tindakan ini dilakukan bagi memastikan murid menguasai pelajaran mengikut potensi murid melalui:

1. Kepelbagaian teknik PdP
2. Bahan PdP yang menarik dan berkesan
3. Penggunaan bahasa yang sesuai dengan murid
4. Pemerhatian dan bimbingan
5. Beri peluang kepada murid untuk meningkatkan pencapaian



PLC SEBAGAI PLATFORM PENYELESAIAN MASALAH PEMBELAJARAN TERBEZA

Pembudayaan PLC merupakan satu amalan para pendidik yang bekerja secara kolaboratif serta berterusan, khususnya di peringkat sekolah dalam menangani isu Pengajaran Terbeza dengan berkongsi amalan terbaik bagi memastikan pembelajaran dan pencapaian murid meningkat.

- Menentukan objektif pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran, serta merancang dan membina instrumen PBD berdasarkan Standard Prestasi
- Memastikan terdapat perkembangan dalam pembelajaran murid
- Mewujudkan budaya pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid bagi melaksanakan tindakan susulan.
- Merancang untuk meningkatkan tahap penguasaan murid melalui perkembangan dan kemajuan murid dalam pembelajaran serta kaedah PdPc yang sesuai.



PLC SEBAGAI PLATFORM PENYELESAIAN MASALAH PEMBELAJARAN TERBEZA

Contoh Pelaksanaan Aktiviti *Learning Walks*

Langkah	Aktiviti
Rancang	Perbincangan <i>Pre Walk</i> untuk tentukan objektif, fokus dan kelas.
Laksana	<ul style="list-style-type: none">• Melawat kelas• Kumpul dapatan• <i>Post-walk discussion</i>
Refleksi	<ul style="list-style-type: none">• Refleksi, analisis & perbandingan• Rumusan dihasilkan• Objektif tercapai
Tindakan	Penambahbaikan dan aplikasi dalam PdPc



PLC SEBAGAI PLATFORM PENYELESAIAN MASALAH PEMBELAJARAN TERBEZA

Contoh Pelaksanaan Aktiviti *Lesson Study*

Langkah	Aktiviti
Rancang	Menentukan matlamat dan rancangan RPH
Laksana	Pelaksanaan pengajaran yang dirancang Membuat pemerhatian dan mengumpul maklumat berfokus menggunakan borang pemerhatian
Refleksi	Sesi refleksi pengajaran
Tindakan	Penambahbaikan RPH dan pengajaran semula



PLC SEBAGAI PLATFORM PENYELESAIAN MASALAH PEMBELAJARAN TERBEZA

Contoh Pelaksanaan Aktiviti *Teacher Sharing Session*

Langkah	Aktiviti
Rancang	Menetapkan objektif sesi perkongsian yang hendak dijalankan Mengenal pasti isu/masalah
Laksana	Pelaksanaan sesi perkongsian berdasarkan isu/masalah
Refleksi	Memastikan objektif telah dicapai
Tindakan	Membuat penambahbaikan



PLC SEBAGAI PLATFORM PENYELESAIAN MASALAH PEMBELAJARAN TERBEZA

Contoh Pelaksanaan Aktiviti *Peer Coaching*

Langkah	Aktiviti
Rancang	Pra konferensi, bentuk ahli kumpulan serta tentukan fokus dan objektif
Laksana	Melaksanakan PdPc dan merekodkan maklumat/pemerhatian
Refleksi	Pasca konferensi, membuat analisis dan rumusan dapatan
Tindakan	Membuat penambahbaikan dan perkongsian serta melaksanakan dalam PdPc.





Aktiviti Pengajaran Terbeza

Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 1 : TIERED LEARNING

Apa itu 'Tiered Learning'

Aktiviti/tugasan yang berbeza kepada murid bergantung pada:




Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 1 : TIERED LEARNING

Bagaimana Melaksanakan 'Tiered Learning'. Contoh:

Objektif Pembelajaran: Murid menyenaraikan kesan pemanasan global



Murid menulis teks dan membuat pengucapan awam untuk menyebarkan kesan pemanasan global kepada masyarakat


Murid menjelaskan kesan pemanasan global terhadap kehidupan manusia

Murid menyenaraikan kesan pemanasan global



Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 2 : THINK TAC TOE
Apa itu 'Think Tac Toe'?



Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 2 : THINK TAC TOE

Bagaimana melaksanakan 'Think Tac Toe'?



Murid diberikan grid 3x3, setiap kotak diisi dengan satu aktiviti, latihan, atau soalan



Murid memilih untuk menyelesaikan 3 kotak secara menegak mengufuk atau melintang



Guru juga dapat membuat pentaksiran terhadap tugas yang telah diselesaikan oleh murid

Bina latar	Masukkan tiga gambar	Gunakan keratan atau kaedah lain
Warna hitam, putih dan merah	Hasilkan produk untuk aktiviti lisan	Hasilkan Sekeping kad
Pelbagaikan pilihan huruf dan warna	Hasilkan album mini	Tema jenis pekerjaan



Contoh Bahan Berdasarkan Tema

Bina latar	Masukkan tiga gambar	Gunakan keratan atau kaedah lain
Warna hitam, putih dan merah	Hasilkan produk untuk aktiviti lisan	Hasilkan Sekeping kad
Pelbagaikan pilihan huruf dan warna	Hasilkan album mini	Tema jenis pekerjaan



Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 3 : Main Peranan (R.A.F.T)

Apa itu Main Peranan (R.A.F.T)

Strategi yang boleh digunakan untuk membantu murid memahami proses penulisan dengan lebih berkesan
Menggalakkan keterlibatan murid serta strategi aras tinggi yang menggalakkan penulisan merentas kurikulum



Role of the student

wartawan, pemerhati,
saksi, objek



Audience

Siapa yang akan
disasarkan: guru, murid
lain, ibu bapa, lain-lain
objek



Format

surat, laporan,
nyanyian, gambar



Topic

Siapa atau apakah
subjek penulisan
tersebut



Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 3 : Main Peranan (R.A.F.T)

Bagaimana melaksanakan Main Peranan (R.A.F.T) ?



Role of the student

wartawan, pemerhati,
saksi, objek



Audience

Siapa yang akan
disasarkan: guru, murid
lain, ibu bapa, lain-lain
objek



Format

surat, laporan,
nyanyian, gambar



Topic

Siapa atau apakah
subjek penulisan
tersebut



Guru perlu menyediakan tugas *RAFT* kepada murid dengan menyatakan peranan, sasaran pembaca, format penulisan dan topik



Tugas *RAFT* juga perlu disertakan '*writing prompts*' atau pemula untuk mendorong murid menulis respons



Apabila murid selesai menulis respons mereka, perbincangan atau pembentangan untuk perkongsian bahan boleh dilaksanakan.

Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 4 : CUBING Apa itu 'CUBING'?

Aktiviti yang mengajar murid untuk memahami sesuatu konsep yang dipelajari daripada perspektif yang berbeza.

Sebuah kiub mempunyai 6 bahagian dan 6 aktiviti/soalan yang berbeza seperti konsep buah dadu

Aktiviti '*cubing*' sesuai dijalankan untuk kerja berkumpulan atau secara individu dan ianya mudah dijadikan aktiviti pembelajaran terbeza



Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 4 : CUBING

Bagaimana
melaksanakan
'CUBING'?



Tugasan/aktiviti/soalan yang diletakkan pada kiub/dadu adalah berdasarkan aras, minat, topik atau kesediaan murid yang berbeza.

Murid melempar kiub/dadu dan cuba menjawab atau menyelesaikan aktiviti yang mereka dapat. Ini akan menjadi tahap permulaan atau kesediaan murid itu dan guru boleh memberikan murid tadi kiub/dadu dengan aktiviti/soalan yang lebih mencabar atau lebih mudah mengikut keperluan murid.

Guru juga boleh menggunakan pendekatan Blooms-Anderson dalam menyediakan soalan/tugasan

Aktiviti Pengajaran Terbeza

AKTIVITI 4 : CUBING

Bagaimana
melaksanakan
'CUBING'?



Terima Kasih

Semoga bermanfaat